

B 8793 AAB
MAHATHIR - DEB

SHAH ALAM, 9 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TIDAK BERSETUJU DENGAN PENDAPAT SESETENGAH GOLONGAN BAHAWA SERATUS-PERATUS SAHAM DALAM PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL SDN BHD (PROTON) HENDAKLAH DIKHAASKAN KEPADA BUMIPUTERA.

KETIKA BERUCAP DI PEMBUKAAN RASMI KILANG KERETA NASIONAL BERHARGA \$550 JUTA DAN PELANCARAN PROTON SAGA DEKAT SINI HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA PROTON AKAN TETAP MENGAMALKAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) TETAPI BUAT PERMULAAN KERAJAAN AKAN MENJADI PEMEGANG AMANAH BAGI BUMIPUTERA MELALUI PERBANDANAN PERUSAHAAN BERAT MALAYSIA (HICOM).

KATANYA INI ADALAH MEMANDANGKAN RISIKO SEMASA YANG TINGGI DAN SAHAM-SAHAM TERSEBUT AKAN DIEDARKAN KEPADA BUMIPUTERA MELALUI SALURAN-SALURAN TERTENTU.

+BAGI MEREKA YANG BERPENDAPAT BAHAWA SERATUS-PERATUS SAHAM HENDAKLAH DIKHAASKAN KEPADA BUMIPUTERA, SAYA INGIN MENINGGATKAN BAHAWA PERNIAGAAN BUKAN SELALUNYA UNTUNG,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA INI DILAKSANAKAN BUMIPUTERA AKAN RUGI SERATUS PERATUS JIKA SYARIKAT ITU MENGELAMI KERUGIAN. -- LAGI.

1526MST 09 07 85

D226

B 8794 AAB
MAHATHIR - DEB 2 SHAH ALAM

+DALAM PERNIAGAAN, ORANG BIJAK DAN PINTAR BIASANYA BERKONGSI DENGAN ORANG LAIN, TERUTAMA APABILA KEUNTUNGAN BELUM TENTU AKAN DIPEROLEHI,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENJELASKAN BUKANLAH NIAT KERAJAAN UNTUK MENGHANCURKAN PENIAGA-PENIAGA KERETA YANG ADA DENGAN KEMASUKANNYA DALAM BIDANG PEMBUATAN KERETA.

+TIDAK ADA FAEDAH BAGI NEGARA JIKA PERNIAGAAN YANG BESAR SEPERTI PEMASARAN KERETA TIBA-TIBA DIMUSNAHKAN,+ KATANYA.

KATANYA KERAJAAN MEMASUKI BIDANG PEMBUATAN KERETA SUPAYA PERNIAGAAN TERSEBUT AKAN BERKEMBANG DENGAN LEBIH PESAT DAN DENGAN INI PENIAGA BARU DAN KECIL AKAN MENDAPAT PELUANG MEMASUKI BIDANG ITU, SEMENTARA YANG MAJU AKAN TERUS MAJU.

+KERAJAAN SEDAR BAHAWA SYARIKAT PEMASANGAN KERETA TEMPATAN MERASA TERJEJAS DENGAN PERLAKSANAAN PROJEK KERETA NASIONAL,+ KATANYA.

-- LAGI.

1527MST 09 07 85

D227

B 8795 AAB
MAHATHIR - DEB 3 SHAH ALAM

MENYEDARI INI, KATANYA, KERAJAAN TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT BERKENAAN SUPAYA SAMA-SAMA MEMBERI SOKONGAN DENGAN MENJUAL KERETA PROTON SAGA.

INI AKAN DAPAT MEMBANTU MENGURANGKAN KESAN TERHADAP SYARIKAT-SYARIKAT ITU DI SAMPING MENUBUHKAN RANGKAIAN WAKIL JUALAN DI SETIAP TEMPAT DI NEGARA INI, KATANYA. -- BERNAMA.

1528MST 09 07 85